




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN SENI VISUAL

PENDIDIKAN KHAS

TINGKATAN **3**





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam
kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana
kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama
secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang
akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar
akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

PENDIDIKAN SENI VISUAL

PENDIDIKAN KHAS

Tingkatan 3

PENULIS

Norlaili binti Nordin @ Jamaludin
Rozalawati binti Abd. Samad

EDITOR

Masliya binti Yahya

PEREKA BENTUK

Wan Ahmad Firdaus bin Wan Abdullah

ILUSTRATOR

Anuar Ismadi bin Hassim

 **aras mega (m) sdn bhd**
(164242-W)

2018



No. Siri Buku: 0122

KPM2018 ISBN 978-967-2212-07-2

Cetakan Pertama 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)
No. 18, Jalan Damai 2,
Taman Desa Damai, Sg. Merab, Kajang
43000, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-8925 8975
Faks: 03-8925 8985
Laman Web: www.arasmega.com
E-mel: amsb@arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Bukit Permai,
43300 Seri Kembangan, Serdang, Selangor.
Tel: 03-89390660
E-mel: attinpress@gmail.com

PENGHARGAAN

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Melaka.
- Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).

Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku teks ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan

v

Pengenalan

1

Unit 1

**BAHASA SENI VISUAL
(UNSUR SENI)**



2

Unit 2

**BAHASA SENI VISUAL
(PRINSIP REKAAN)**



40

Unit 3

SENI HALUS (LUKISAN)



78

Unit 4

SENI HALUS (CATAN)



86

Unit 5

SENI HALUS (ARCA)



98

Unit 6

SENI HALUS (CETAKAN)



108

Unit 7

KOMUNIKASI VISUAL



116

Unit 8

KRAF TRADISIONAL



122

Unit 9

FOLIO SENI HALUS



130

Glosari

136

Senarai Rujukan

138



PENDAHULUAN

Pendidikan Seni Visual (Pendidikan Khas) Tingkatan 3 merupakan buku teks yang dihasilkan berdasarkan keperluan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kandungan buku ini meliputi sembilan modul, iaitu:

- Modul 1: Unsur Seni
- Modul 2: Prinsip Rekaan
- Modul 3: Seni Halus (Lukisan)
- Modul 4: Seni Halus (Catan)
- Modul 5: Seni Halus (Arca)
- Modul 6: Seni Halus (Cetakan)
- Modul 7: Komunikasi Visual (Kulit Buku)
- Modul 8: Kraf Tradisional
- Modul 9: Folio

Strategi pembelajaran buku ini menerapkan pelbagai pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa menerusi penerangan Ikon seperti KBAT, Info, Tips Keusahawanan, dan lain-lain.

Buku ini disediakan sebagai panduan untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK). Guru boleh mengubah suai atau membina modul yang bersesuaian mengikut keperluan MBK. Langkah-langkah penghasilan karya ditunjukkan dengan cara langkah demi langkah supaya mudah untuk dirujuk dan digunakan oleh murid dan guru.

Buku ini diharap mampu merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan negara. Selain itu, buku ini juga diharap dapat melahirkan MBK yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang seni visual bagi menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat, dan ekonomi negara.

PENERANGAN IKON



UNIT
1

UNIT

Menunjukkan permulaan unit.



KBAT

Mengemukakan soalan yang dapat mencetuskan kemahiran berfikir aras tinggi murid.



INFO

Memuatkan maklumat tambahan berkaitan topik.

NOTA GURU

Memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti atau mencadangkan aktiviti tambahan lain yang boleh dilaksanakan oleh murid.



INGAT

Memberikan perhatian kepada murid terhadap aspek kebersihan dan keselamatan.



TIP KEUSAHAWANAN

Menggalakkan idea kreatif dan inovatif murid untuk menjana pendapatan sampingan.



LATIHAN

Disediakan bagi menguji kefahaman murid.



APLIKASI SENI

Murid menjalankan aktiviti pembelajaran.



RUMUSAN

Refleksi isi pembelajaran.



▲ Sila imbas

QR CODE RESPONSE CARD

QR Code boleh diimbas menggunakan telefon pintar atau tablet untuk mendapatkan maklumat.

PENGENALAN

Kandungan buku ini meliputi gabungan empat bidang utama, iaitu Asas Seni Reka, Seni Halus, Komunikasi Visual, dan Kraf Tradisional. Asas Seni Reka melibatkan elemen Bahasa Seni Visual yang terdiri daripada Unsur Seni dan Prinsip Rekaan. Unsur Seni terbahagi kepada enam, iaitu Garisan, Rupa, Bentuk, Jalinan, Warna, dan Ruang. Prinsip Rekaan pula terbahagi kepada tujuh, iaitu Harmoni, Kontra, Penegasan, Kepelbagaian, Imbangan, Kesatuan, serta Irama dan Pergerakan. Bidang Seni Halus sebenarnya terdiri daripada aktiviti Lukisan, Catan, Arca, dan Cetakan. Bidang Komunikasi Visual pula berfokus kepada Kulit Buku. Bidang terakhir, iaitu Kraf Tradisional memberi tumpuan kepada Projek Kraf Ukiran Kayu.

UNIT

1

BAHASA SENI VISUAL (UNSUR SENI)

STANDARD KANDUNGAN

- 1.1 Garisan
- 1.2 Rupa
- 1.3 Bentuk
- 1.4 Jalinan
- 1.5 Warna
- 1.6 Ruang

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

1.1

- 1.1.1** Menyatakan maksud garisan.
- 1.1.2** Menjelaskan fungsi garisan.
- 1.1.3** Menghasilkan lukisan menggunakan garisan.

1.3

- 1.3.1** Menghuraikan fungsi bentuk.
- 1.3.2** Menjelaskan dan membanding bezakan bentuk:
 - (i) Ilusi
 - (ii) Konkrit
- 1.3.3** Menghasilkan bentuk:
 - (i) Ilusi
 - (ii) Konkrit

1.5

- 1.5.1** Menyatakan fungsi warna.
- 1.5.2** Mengenal pasti jenis-jenis warna tertier dan fungsinya.
- 1.5.3** Menghasilkan warna tertier.
- 1.5.4** Menghasilkan karya menggunakan warna tertier.

1.2

- 1.2.1** Menerangkan fungsi rupa.
- 1.2.2** Mengenal pasti dan membezakan teknik rupa.
 - (i) Rupa penambahan
 - (ii) Rupa pengurangan
 - (iii) Rupa tindanan
- 1.2.3** Menghasilkan corak dengan menggunakan susunan rupa ulangan.

1.4

- 1.4.1** Menghuraikan fungsi jalinan.
- 1.4.2** Menjelaskan dan membanding bezakan teknik jalinan:
 - (i) Sentuh
 - (ii) Tampak
- 1.4.3** Menghasilkan karya menggunakan teknik jalinan:
 - (i) Sentuh
 - (ii) Tampak

1.6

- 1.6.1** Menyatakan fungsi ruang.
- 1.6.2** Mengenal pasti dan membezakan ruang dan perspektif:
 - (i) Satu titik lenyap
 - (ii) Dua titik lenyap
- 1.6.3** Menghasilkan karya menggunakan ruang dan perspektif:
 - (i) Satu titik lenyap
 - (ii) Dua titik lenyap


BAHASA SENI VISUAL (UNSUR SENI)

1.1 GARISAN

Garisan ialah hasil cantuman siri titik. Garisan wujud pada alam semula jadi, objek buatan manusia, dan aspirasi seni visual.

Jenis-jenis Garisan

Jenis-jenis garisan merujuk kepada sifat garisan berkenaan seperti bersawang, melintang, menegak, putus-putus, beralun, berpancar, silang pangkah, berlingkar, bergerigi, dan titik-titik.



NOTA GURU

1.1.1 Guru menyatakan maksud garisan.

Fungsi Garisan

Terdapat enam fungsi garisan seperti berikut.



NOTA GURU

1.1.2 Guru menjelaskan fungsi garisan.

APLIKASI SENI

Kasut Bercorak (Doodles Shoes)

Alat dan Bahan


1. Sepasang kasut putih
2. Pen dakwat warna kekal
3. Pensel
4. Pemadam



1 Lakarkan garisan pada kasut menggunakan pensel mengikut kreativiti.



2 Lukis semula lakaran menggunakan pen dakwat kekal dan biarkan sehingga kering.



Hasil Karya

TIP KEUSAHAWANAN

Kasut yang telah dicorakkan boleh dijual sama ada jualan secara langsung mahupun jualan atas talian.

NOTA GURU


1.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan lukisan dengan menggunakan garisan.

LATIHAN 1


Lukis jenis-jenis garisan ke dalam ruangan yang disediakan.




Garisan beralun




Garisan bersawang



Garisan melintang



Garisan berpancar



Garisan melingkar




Garisan bergerigi

NOTA GURU


- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta murid menyimpan hasil latihan untuk didokumentasikan.

LATIHAN 2


Lengkapkan garisan mengikut pernyataan yang diberi.




Garisan bersawang



Garisan beralun



Garisan putus-putus



Garisan berlingkar



RUMUSAN

Garisan merupakan unsur seni yang paling asas dan terdapat pada alam semula jadi serta objek buatan manusia. Pengetahuan dan pengalaman dalam garisan dapat menghasilkan karya yang menarik.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil latihan untuk didokumentasikan.

1.2 RUPA

Rupa terhasil apabila titik penghujung garisan bertemu dengan titik permulaan.


Jenis-jenis Rupa

Rupa Organik



Tidak bersudut, tiada sempadan tepat, dan dihasilkan secara spontan.


Rupa Geometri



Bersudut melengkung, bersempadan tepat.

Rupa boleh dilihat secara:

Rupa Positif



Permukaan sesuatu objek.

Rupa Negatif



Latar belakang sesuatu imej.

Fungsi-fungsi Rupa



Menghasilkan huruf atau muka taip.



Menghasilkan lambang, logo, atau simbol.




Menghasilkan corak melalui rupa berulang.

Mengenal pasti dan membezakan teknik rupa


Rupa Penambahan

Penambahan dilakukan dengan mencantumkan dua atau lebih rupa yang akan membentuk imej yang baharu.




Rupa Pengurangan

Pengurangan dilakukan pada bahagian yang tidak dikehendaki.



Rupa Tindanan

Tindanan dilakukan dengan mencantumkan dua atau lebih rupa tanpa melibatkan pembuangan atau pengurangan rupa.





NOTA GURU

- 1.2.1 Guru menyatakan fungsi rupa.
- 1.2.2 Guru mengenalkan teknik rupa penambahan, rupa pengurangan dan rupa tindanan.

Kerongsang Burung Hantu

Alat dan Bahan

1. Kad manila
2. Kain felt
3. Pin
4. Pensel
5. Gam
6. Gunting



1 Lakarkan rupa pada kad manila.



2 Gunting lakaran pada kad manila untuk dijadikan blok tekapan.



3 Tekap di atas kain felt.



4 Gunting kain felt mengikut rupa yang telah dilukis.



Hasil guntingan



5 Susun dan gam kain felt yang telah digunting menjadi rupa burung hantu.



6 Gamkan pin pada belakang burung hantu.

TIP KEUSAHAWANAN

Rekaan kerongsang boleh dipelbagaikan dari segi rupa dan bentuk serta boleh dijual.

INGAT

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.



Hasil Kraf



NOTA GURU


1.2.3 Guru membimbing murid menghasilkan corak dengan menggunakan susunan rupa ulangan.

LATIHAN 1

Jawab soalan di bawah.


- Rupa bersifat _____.
 - dua dimensi
 - tiga dimensi
 - empat dimensi
 - pelbagai dimensi
- Rupa terbahagi kepada dua, iaitu rupa _____, dan rupa _____.
 - ilusi, nyata
 - organik, geometri
 - alam semula jadi, buatan
 - organik, saintifik
- Fungsi rupa adalah untuk menghasilkan tipografi, logo, lambang dan corak. Antara berikut, olahan manakah yang dapat menghasilkan corak?
 - tindanan
 - penyatuan
 - pengurangan
 - penambahan
 - I dan II
 - I dan III
 - I, II, dan III
 - I, III, dan IV

- Jenis olahan apakah yang digunakan untuk menghasilkan rupa yang ditunjukkan di bawah?



- Susun-susun
- Tindanan
- Pembahagian
- Penambahan

-




Rupa di atas dihasilkan daripada rupa tindanan. Padankan rupa yang sesuai.

-
-
-
-

LATIHAN 2

Gunting rupa yang diberi, susun dan tampal pada apron supaya menjadi reka corak yang kreatif dan menarik.



RUMUSAN

Rupa yang terhasil dapat memberi impak kepada komunikasi visual tanpa menggunakan perkataan. Contohnya seperti simbol pada papan tanda jalan raya.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan berwarna halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

1.3 BENTUK

Bentuk ialah hasil daripada gabungan rupa dan bersifat tiga dimensi (3D). Bentuk mempunyai lebih daripada satu permukaan, dan mempunyai isi padu dan jisim.



Fungsi Bentuk



1

Objek buatan manusia
Memberi keselesaan.

2

Karya seni
Menjadikan nilai estetik.



Karya seni
Menggambarkan objek sebenar.

3



Koleksi Encik Bingley Sim
Liu Cheng Hua, *Year of the Horse*, 2014

Alam semula jadi
Mengindahkan alam sekeliling.

4



Jenis-jenis Bentuk

Bentuk Ilusi

- Hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat disentuh.
- Bersifat dua dimensi (2D).



Bentuk Konkrit

- Bersifat tiga dimensi (3D).
- Boleh dilihat, disentuh atau dirasa.
- Mempunyai isi padu dan berjisim.



NOTA GURU

1.3.2 Guru menjelaskan dan membandingkan bezakan bentuk ilusi dan konkrit.

APLIKASI SENI

Arca Mobail Obor-obor

Alat dan Bahan

1. Surat khabar lama
2. Gam PVA
3. Cat sembur
4. 2 Botol plastik
5. Tali jut
6. Belon
7. Gunting
8. Berus
9. Pin
10. Cat poster
11. Kain felt



1 Tiup belon dan ikat.



2 Koyak dan tampalkan surat khabar pada belon dan biarkan sehingga kering.



3 Pecahkan belon dengan menggunakan pin.



4 Gunting tampalan surat khabar bagi membentuk bahagian atas obor-obor.



5 Warnakan bahagian atas obor-obor mengikut kreativiti.



6 Sembur botol plastik dengan cat sembur.



7 Gunting botol plastik secara melingkar.



8 Cantumkan kedua-dua lingkaran dengan tali.



9 Masukkan tali ke dalam obor-obor.

INGAT
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti dan pastikan anda menggunakan sarung tangan.

NOTA GURU

1.3.3 Guru membimbing murid menghasilkan bentuk ilusi dan konkrit.



10

Hiaskan obor-obor dengan mata dan mulut.




Hasil Arca




LATIHAN 1

Gabungkan rupa yang diberi agar menjadi bentuk tiga dimensi (3D).



Piramid



Silinder



RUMUSAN

Bentuk bersifat tiga dimensi (3D) dan mempunyai isi padu serta jisim. Walaupun dalam karya lukisan atau catan bentuk tiga dimensi dapat diwujudkan.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

1.4 JALINAN

Jalanan merupakan kesan pada permukaan sesuatu benda atau objek. Kebiasaannya jalinan terdapat pada objek semula jadi ataupun objek buatan manusia. Jalinan bersifat lembut, licin, kasar, halus, kesat, tajam, berduri, dan sebagainya.

Fungsi Jalinan




Kulit nenas berfungsi untuk melindungi bahagian isinya.



Corak pakaian tentera berfungsi sebagai penyamaran.



Sarung pemegang playar berfungsi sebagai keselamatan kepada pengguna semasa memegangnya.



Elemen dalam lukisan atau catan boleh menampakkan gambaran realistik.

NOTA GURU

1.4.1 Guru menerangkan fungsi jalinan.

Teknik Jalinan


Jalinan Sentuh

Jalinan sentuh ialah kesan yang dapat dirasai oleh deria sentuh dan deria penglihatan.

Jalinan Tampak

Jalinan tampak boleh dinikmati melalui deria penglihatan dan tidak dapat dirasai dengan deria sentuh.

Alam semula jadi



Buatan manusia



Karya seni



NOTA GURU

1.4.2 Guru mengenalkan jalinan sentuh dan jalinan tampak.




APLIKASI SENI

Kolaj Bunga Pom-pom

Alat dan Bahan

- | | | |
|--------------|----------------|----------------|
| 1. Eva foam | 4. Benang bulu | 7. Gunting |
| 2. Kadbod | 5. Span | 8. Pensel |
| 3. Kain felt | 6. Gam | 9. Warna mural |



1 Warnakan kadbod menggunakan cat mural. Kemudian keringkan.



2 Bentukkan bunga pom-pom daripada benang bulu kambing.

SILA IMBAS

QR CODE



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/kolaj-bunga-pom-pom/> untuk menonton video hasil kolaj bunga pom-pom. (Dicapai pada 8 Julai 2018)

NOTA GURU

1.4.3 Guru membimbing murid menghasilkan jalinan sentuh dan jalinan tampak.



3 Lakar rupa pada kain felt dan eva foam mengikut kreativiti.



4 Gunting kain felt dan eva foam.



5 Susun hasil guntingan dan bunga pom-pom mengikut kreativiti.



6 Tampalkan bunga pom-pom.



Hasil Kolaj




INGAT

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

LATIHAN 1

Kenal pasti dan gunakan jalinan di sekeliling anda, kemudian lorekkan pada kertas menggunakan pensel atau pensel warna bagi mendapatkan kesan jalinan (teknik gosokan). Catatkan sumber jalinan yang anda peroleh.



NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil kerja untuk didokumentasikan.

LATIHAN 2

Berdasarkan gambar di bawah, berikan fungsi jalinan pada setiap objek tersebut.











RUMUSAN


Semasa penghasilan karya, jalinan merupakan sesuatu unsur seni yang penting bagi mewujudkan nilai estetika. Kesan-kesan jalinan dapat menimbulkan perasaan yang berbeza. Semasa proses menghasilkan karya, jalinan sentuh seperti kesan kasar, licin, dan kesat dapat dinikmati oleh deria sentuhan sementara kesan tampak dapat dinikmati melalui deria penglihatan.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

1.5 WARNA


Warna ialah kesan daripada tindak balas cahaya terhadap sesuatu permukaan objek. Warna terbahagi kepada tiga iaitu warna asas, warna sekunder, dan warna tertier.



Warna Asas

Jenis Warna Tertier


Warna tertier terhasil daripada campuran satu warna asas dan satu warna sekunder yang terletak bersebelahan dalam roda warna. Warna tertier menimbulkan kesan yang lebih harmoni.



Roda Warna

Fungsi Warna Tertier

Alam semula jadi



Menimbulkan suasana senja.



Mewujudkan kesan kontra.

Buatan manusia




Menimbulkan kesan harmoni.



Menambahkan nilai estetika.

Karya seni



Mewujudkan suasana yang tidak membosankan.



Menggambarkan perasaan seseorang dalam sesebuah karya.

NOTA GURU

- 1.5.1 Guru menyatakan fungsi warna.
- 1.5.2 Guru mengenalkan jenis-jenis warna tertier dan fungsinya.



APLIKASI SENI

Kotak Hadiah Pualaman

Alat dan Bahan

- | | | |
|-------------------------------|--------------------------|--------------|
| 1. Cat minyak (warna tertier) | 4. Dulang | 8. Pensel |
| 2. Kertas lukisan | 5. Gunting | 9. Lidi sate |
| 3. Air | 6. Sarung tangan plastik | 10. Gam |
| | 7. Reben | 11. Pembaris |



1 Masukkan air ke dalam dulang. Pastikan anda memakai sarung tangan plastik.



2 Tuang cat minyak ke dalam dulang.



3 Gunakan lidi sate untuk membuat pergerakan (mencorak).



4 Letakkan kertas lukisan pada permukaan air yang bercorak.




5 Angkat dan biarkan kering.



6 Lukis bentuk kotak pada belakang kertas lukisan.



7 Gunting mengikut bentuk kotak.



Lipat pada bahagian garisan putus-putus.


INGAT
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

- 1.5.3 Guru membimbing murid menghasilkan gabungan warna tertier.
- 1.5.4 Guru membimbing murid menghasilkan karya menggunakan warna tertier.



8 Lipat mengikut garisan putus-putus untuk membentuk kotak dan gamkan.



9 Hiaskan kotak hadiah anda.




Hasil Pualaman



LATIHAN 1

Warnakan lakaran di bawah dengan warna tertier menggunakan cat poster.



RUMUSAN

Warna tertier ialah campuran warna asas dengan warna sekunder.

NOTA GURU

- Guru membimbing murid menghasilkan gabungan warna asas dan warna sekunder.
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.
- Guru meminta agar murid menyimpan hasil kerja untuk didokumentasikan.

1.6 RUANG

Ruang ialah kawasan sesuatu objek yang meliputi jarak antara dua objek. Ruang terbahagi kepada dua, iaitu ruang nyata dan ruang ilusi.


Fungsi Ruang



Ruang mempengaruhi warna dan saiz berdasarkan jarak.



Ruang dapat menampakkan jarak antara satu objek dengan objek yang lain.



Ruang juga dapat dilihat apabila objek yang jauh kelihatan kecil.

Info

Penghasilan karya catan bertemakan permandangan alam banyak menggunakan perspektif.



Ruang dan Perspektif

Ruang

Ruang ialah jarak yang terdapat di antara dua objek. Ruang terbahagi kepada tiga iaitu ruang dalam, ruang cetek, dan ruang rata.



Ruang dalam

Ruang yang memperlihatkan kesan perspektif.



Ruang cetek

Ruang dalam kawasan terbatas.




Ruang rata

Karya seni visual yang diolah pada permukaan yang sama.

Perspektif

Perspektif ialah teknik yang menggambarkan imej tiga dimensi (3D) di atas permukaan dua dimensi (2D).



Alam semula jadi

Ruang yang wujud di persekitaran melalui satu titik lenyap.



Buatan manusia

Dihasilkan melalui perspektif, perubahan saiz atau kejelasan dan kekaburan.



Karya seni

Ruang perspektif melibatkan jarak di antara objek atau imej yang menggunakan kesan ilusi tiga dimensi.

NOTA GURU

1.6.2 Guru mengenalkan dan membezakan ruang dan perspektif.

NOTA GURU

1.6.1 Guru menyatakan fungsi ruang.




APLIKASI SENI

Kolaj Perspektif

Alat dan Bahan

1. Kertas lukisan
2. Kertas warna
3. Gam
4. Pemadam
5. Pensel
6. Gunting
7. Pembaris



1 Lakarkan lukisan perspektif satu titik lenyap.



2 Gunting majalah terpakai dan kertas warna kepada saiz yang lebih kecil.




3



4

Gamkan kertas warna pada kertas lukisan perspektif mengikut kreativiti.



Hasil Kolaj



INGAT


Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

- 1.6.3 Guru membimbing murid menghasilkan ruang dan perspektif.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.

LATIHAN 1

Lengkapkan silang kata di bawah.



Melintang

- Objek dekat kelihatan besar dan objek jauh kelihatan kecil kerana wujudnya _____.

Menegak

- Ruang merupakan _____, antara dua atau lebih objek.
- Ruang terdiri daripada dua jenis iaitu ruang ilusi (tampak) dan ruang _____ (nyata).
- Ruang yang terdapat pada catan atau lukisan merupakan ruang _____.


LATIHAN 2

Padankan dan isikan jawapan yang betul pada ruang jawapan di bawah.


Perspektif satu titik lenyap



Perspektif dua titik lenyap



Perspektif tiga titik lenyap





RUMUSAN

Penggunaan ruang yang baik memberi impak yang besar pada sesuatu karya seni. Ruang wujud pada alam sekitar, objek buatan manusia, dan penghasilan karya seni. Garisan, rupa, bentuk, dan warna memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan ilusi ruang dalam karya bagi menonjolkan keindahan serta kekemasannya.

UNIT

2

BAHASA SENI VISUAL (PRINSIP REKAAN)

STANDARD KANDUNGAN

- 2.1 Harmoni
- 2.2 Kontra
- 2.3 Penegasan
- 2.4 Kepelbagaian
- 2.5 Imbangan
- 2.6 Kesatuan
- 2.7 Irama dan Pergerakan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

2.1

2.1.1
Menerangkan fungsi harmoni dalam karya.

2.1.2
Mengenal pasti dan menjelaskan ciri-ciri harmoni dalam:
(i) Corak
(ii) Catan
(iii) Grafik

2.1.3
Menghasilkan poster mudah dengan kombinasi warna yang harmoni.

2.2

2.2.1
Menerangkan fungsi kontra.

2.2.2
Mengaplikasi ciri-ciri kontra:
(i) Alam sekeliling
(ii) Buatan manusia
(iii) Karya seni halus

2.2.3
Menghasilkan lukisan/catan yang menimbulkan kontra menggunakan kombinasi unsur-unsur seni.

2.3

2.3.1
Menyatakan fungsi penegasan.

2.3.2
Menerangkan ciri-ciri penegasan.

2.3.3
Mengaplikasikan catan yang menggunakan prinsip penegasan.

2.4

2.4.1
Menyatakan fungsi kepelbagaian.

2.4.2
Menerangkan ciri-ciri kepelbagaian.

2.4.3
Mengaplikasikan corak geometrik atau corak organik yang menggunakan prinsip kepelbagaian.

2.5

2.5.1
Menyatakan fungsi imbangan.

2.5.2
Mengenali jenis-jenis imbangan:
(i) Simetri
(ii) Tidak simetri

2.5.3
Menghasilkan satu bentuk wau tradisional yang berimbangan simetri.

2.6

2.6.1
Menyatakan fungsi kesatuan.

2.6.2
Menerangkan ciri-ciri kesatuan.

2.6.3
Menghasilkan bingkai cermin dengan mengaplikasikan ciri-ciri kesatuan.

2.7

2.7.1
Menyatakan fungsi irama dan pergerakan.

2.7.2
Menerangkan ciri-ciri irama dan pergerakan.

2.7.3
Menghasilkan origami bergantung kepada susunan bentuk tertentu untuk menghasilkan pergerakan.

BAHASA SENI VISUAL (PRINSIP REKAAN)

Prinsip rekaan ialah kaedah atau olahan unsur-unsur seni menjadi sebuah karya yang menarik. Penggunaan unsur seni seperti garisan, rupa, bentuk, jalinan, warna, dan ruang dalam sesebuah karya akan menimbulkan gambaran serta mempunyai nilai estetika yang tertentu. Terdapat tujuh prinsip rekaan, iaitu harmoni, kontra, penegasan, kepelbagaian,imbangan, kesatuan, serta irama dan pergerakan.

2.1 HARMONI

Fungsi Harmoni

- 1 Prinsip harmoni ditonjolkan dalam karya seni apabila wujudnya susunan atau ulangan unsur-unsur seni yang sesuai, seimbang dan menarik.
- 2 Harmoni ditonjolkan untuk menarik perhatian dan menimbulkan nilai-nilai estetik.



Info

Pelbagai teknik olahan mewujudkan suasana harmoni antaranya ialah susunan motif corak pada batik lukis, penggunaan warna, rupa dan bentuk dari jenis yang sama, reka bentuk poster melalui susunan unsur rupa yang seimbang.

NOTA GURU

2.1.1 Guru menerangkan fungsi harmoni dalam karya.

Ciri-ciri Harmoni



Corak

Corak yang harmoni mempunyai ciri-ciri gabungan unsur seni seperti rupa dan warna.



Catan

Karya-karya catan yang harmoni mempunyai ciri-ciri yang terhasil daripada gabungan warna, bentuk, susunan, ruang danimbangan.



Grafik

Karya grafik yang harmoni mempunyai ciri-ciriimbangan muka taip dan reka letak objek.

(Sumber: Facebook Tourism Malaysia)

NOTA GURU

2.1.2 Guru mengenalkan ciri-ciri harmoni dalam corak, catan dan grafik.



APLIKASI SENI

Poster Teknik Kolaj

Alat dan Bahan

- | | | |
|---------------------|---------------|----------------|
| 1. Kertas lukisan | 5. Berus | 8. Pen penanda |
| 2. <i>Template</i> | 6. Cat poster | 9. Cawan air |
| 3. Palet | 7. Gunting | 10. Gam PVA |
| 4. Majalah terpakai | | |



1 Warnakan perkataan pada *template* yang disediakan.



2 Warnakan keseluruhan kertas lukisan dengan warna yang dipilih.



3 Pilih mana-mana gambar dalam majalah terpakai yang bertepatan dengan tema yang dibuat.



4 Gunting mengikut bentuk yang akan ditampal.



5 Susun gambar-gambar yang dipilih mengikut kreativiti dan gamkan.



6 Koyak *template* yang sudah diwarnakan dengan menggunakan tangan.



7 Tampal dengan kemas.


NOTA GURU

- 2.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan poster mudah kombinasi warna yang harmoni.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil karya untuk didokumentasikan.



INGAT
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

8 Gunakan pen penanda untuk melakarkan kembali tulisan di atas poster untuk lebih kelihatan jelas dan menarik.



Hasil Karya



LATIHAN 1


Padankan.



Ciri harmoni catan



Ciri harmoni grafik



Ciri harmoni corak



(Sumber: Facebook Tourism Malaysia)



KBAT

Kenal pasti ciri-ciri harmoni di dalam karya yang dihasilkan.



RUMUSAN

Harmoni merupakan prinsip rekaan yang penting untuk menimbulkan situasi yang menyenangkan, keseimbangan dan kesatuan dalam sesebuah karya seni. Pengulangan unsur-unsur seni yang sama dan tiada bertentangan akan mewujudkan suasana yang harmonis.

NOTA GURU

2.2.3 Guru membimbing murid menghasilkan lukisan/catan bebas yang menimbulkan kontra dengan menggunakan kombinasi unsur-unsur seni.

2.2 KONTRA

Kontra akan terhasil apabila unsur-unsur seni digunakan secara bertentangan antara satu sama lain. Kontra memberi kesan dan impak yang lebih jelas dalam menghasilkan karya seni.

Fungsi Kontra

Kontra berfungsi untuk mewujudkan kelainan, membangkitkan suasana dan menimbulkan kesan yang berbeza.

Ciri-ciri Kontra



Alam semula jadi

Kontra dari segi warna.



Buatan manusia

Kontra dari segi bentuk.



Karya seni

Kontra dari segi garisan dan warna.

KBAT

Nyatakan kontra yang terdapat pada alam semula jadi, buatan manusia, dan karya seni.

Info

Pereka grafik sering menggunakan prinsip kontra dalam menghasilkan iklan, logo dan poster untuk menarik perhatian.



APLIKASI SENI

Pembalut Buku

Alat dan Bahan

1. Kertas lukisan
2. Kertas tebal
3. Palet
4. Tuala kecil
5. Dulang
6. Guli
7. Syiling 50 sen
8. Gunting
9. Span
10. Cat poster
11. Pensel



1 Lipat kertas lukisan kepada dua bahagian secara memanjang (landskap).



2 Letakkan ke dalam dulang.

NOTA GURU

2.2.3 Guru membimbing murid menghasilkan lukisan/catan bebas yang menimbulkan kontra dengan menggunakan kombinasi unsur-unsur seni.

NOTA GURU

- 2.2.1 Guru menerangkan fungsi kontra.
- 2.2.2 Guru megenalkan ciri-ciri kontra pada alam sekeliling, objek buatan manusia dan karya seni halus.



3 Masukkan guli yang telah dicelupkan warna ke dalam dulang.



4 Goyangkan dulang. Selepas itu keringkan kertas lukisan.



5 Lipat kertas tebal kepada dua bahagian. Kemudian gunting.



6 Lakarkan bentuk bulat menggunakan syiling 50 sen pada kertas tebal yang sudah dipotong.



7 Gunting bentuk bulat tersebut.

INGAT
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.



8 Capkan span yang sudah diletakkan warna pada bulatan yang telah ditebuk.



9 Keringkan hasil yang telah siap.

TIP KEUSAHAWANAN

Hasil pembalut buku yang sudah siap boleh dijual.




Hasil Pembalut Buku



LATIHAN 1

Warnakan corak dengan warna kontra.



RUMUSAN

Prinsip kontra akan wujud dalam sesuatu gubahan kerja seni apabila terdapat elemen-elemen yang bertentangan dan berbeza. Penggunaan kontra biasanya akan diaplikasikan dalam penghasilan poster, arca, dan catan untuk lebih menarik perhatian.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjayakan aktiviti di atas.
- Guru meminta murid agar menyimpan hasil kerja untuk didokumentasikan.

2.3 PENEGASAN

Penegasan ialah fokus atau penumpuan sesuatu imej agar lebih ketara daripada objek lain.

Fungsi Penegasan

Penegasan berfungsi untuk menarik perhatian dan tumpuan terhadap sesuatu hasil karya seni.

Ciri-ciri Penegasan

Alam semula jadi




Menjadi daya tarikan utama.

Buatan manusia



Menarik perhatian.

Karya seni



Menjadi fokus dan mengelakkan kebosanan dalam hasil karya seni.

NOTA GURU

- 2.3.1 Guru menerangkan fungsi penegasan.
- 2.3.2 Guru menerangkan ciri-ciri penegasan.

Info



Penegasan ialah prinsip seni yang berkait rapat dengan prinsip kontra.



APLIKASI SENI

Capan Bunga

Alat dan Bahan

- | | | |
|-------------------|----------------------|----------------|
| 1. Papan alas kek | 4. Putik kapas | 7. Span |
| 2. Berus | 5. Surat khabar lama | 8. Palet |
| 3. Gunting | 6. Cat akrilik | 9. Tuala kecil |



1 Tanggalkan kertas alas papan kek, kemudian warnakan dengan warna putih.



2 Warnakan latar belakang dengan warna-warna harmoni menggunakan span. Kemudian keringkan.



INGAT

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.



3 Bentukkan span menjadi bujur menggunakan gunting.



4 Campurkan warna-warna harmoni untuk menghasilkan bunga dan daun.



5



6



7



8

Capkan span menjadi bentuk daun dan bunga, kemudian keringkan.

NOTA GURU

2.3.3 Guru membimbing murid menghasilkan catan yang menggunakan prinsip penegasan.



9



10

Kemaskan lukisan dengan teknik garisan dan ton warna untuk menunjukkan elemen penegasan pada karya.



Hasil Capan

TIP KEUSAHAWANAN

Hasil yang sudah siap boleh dijual untuk dijadikan hiasan dinding atau meja.



LATIHAN 1

Tandakan (✓) pada gambar yang betul.

Penegasan dalam Alam Sekeliling



Penegasan Objek Ciptaan Manusia



Penegasan dalam Karya Seni



KBAT




Nyatakan penegasan yang terdapat pada gambar.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

LATIHAN 2

Aplikasikan prinsip penegasan melalui warna dalam lukisan corak di bawah.



RUMUSAN

Pemilihan unsur-unsur seni yang sesuai dalam karya yang ingin ditonjolkan akan memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan prinsip penegasan. Oleh itu karya seni yang dihasilkan menjadi pusat tumpuan.

2.4 KEPELBAGAIAN

Kepelbagaian ialah penggunaan unsur, prinsip, dan idea yang pelbagai dalam sesuatu karya seni. Banyak elemen seni digunakan untuk menghasilkan kepelbagaian.

Info

Kepelbagaian ialah hasil penggunaan pelbagai idea dan nilai yang berbeza dalam sesuatu gubahan.

Fungsi Kepelbagaian

Kepelbagaian berfungsi untuk mengelakkan sesuatu hasil karya seni itu kelihatan bosan. Kepelbagaian mempunyai nilai estetik dan menimbulkan kesan kesinambungan serta kesatuan.

Ciri-ciri Kepelbagaian

Alam semula jadi



Gabungan pelbagai unsur jalinan dan warna.

Buatan manusia



Gabungan kepelbagaian saiz, bentuk dan corak.

Karya seni



Gabungan kepelbagaian unsur seni dan prinsip rekaan.

KBAT

Bandingkan kepelbagaian unsur seni pada dua gambar di bawah.



NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

NOTA GURU

- 2.4.1 Guru menyatakan fungsi kepelbagaian.
- 2.4.2 Guru menerangkan ciri-ciri kepelbagaian.



APLIKASI SENI

Pasu Hiasan Bercorak Geometri

Alat dan Bahan

- 1. Pemati warna (*clear spray*)
- 2. Pasu seramik
- 3. Gunting
- 4. Palet
- 5. Berus
- 6. *Masking tape*
- 7. Cat akrilik
- 8. Sarung tangan



1 Lekatkan *masking tape* pada pasu dan buat corak mengikut kreativiti.



2 Warnakan pasu dengan warna akrilik dan biarkan kering.




3 Apabila sudah kering, buka *masking tape* perlahan-lahan.



4 Gunakan pemati warna untuk kemas. (Pastikan anda menggunakan sarung tangan ketika melakukan aktiviti ini).



5 Hias pasu mengikut kreativiti.



Hasil Karya

Info

Selain pasu, teknik ini juga boleh digunakan untuk botol kaca, kotak, kanvas, hiasan dinding, dan mural.

TIP KEUSAHAWANAN

Pasu yang telah siap boleh dijual untuk dijadikan hiasan meja.

INGAT


Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

2.4.3 Guru membimbing murid menghasilkan corak geometri yang menggunakan prinsip kepelbagaian.

LATIHAN 1

Lakarkan corak kepelbagaian bertemakan flora dan fauna pada gambar di bawah.



RUMUSAN

Prinsip kepelbagaian dalam sesebuah karya yang dihasilkan ialah gabungan unsur seni dan prinsip rekaan. Penggunaan unsur seni dalam karya seperti gabungan garisan, rupa dan warna akan mewujudkan prinsip kepelbagaian.

2.5 IMBANGAN

Imbangan merujuk kepada sesuatu keadaan yang seimbang dalam susunan karya daripada segi tumpuan, berat, tarikan, dan gubahan.


Info

Wau tradisional mempunyai beberapa nama seperti wau bulan, wau kucing, wau puyuh, wau merak, dan sebagainya.

Fungsi Imbangan

Imbangan berfungsi untuk mewujudkan kesatuan, kestabilan serta menjadikan sesuatu rekaan tampak menarik.

Jenis-jenis Imbangan



Simetri

Bahagian kanan, kiri, atau atas, dan bawah adalah sama. Gambar dan rekaan simetri kelihatan lebih stabil dan seimbang.



Tidak Simetri

Kedua-dua bahagian sesuatu karya adalah tidak sama bentuk, corak atau kelihatan tidak serupa.



NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

- 2.5.1 Guru menyatakan fungsi imbangan.
- 2.5.2 Guru mengenalkan jenis-jenis imbangan simetri dan tidak simetri.

Ciri-ciri Imbangan

Alam semula jadi

Keseimbangan unsur jalinan dan warna.



Buatan manusia

Keseimbangan saiz, bentuk, dan corak.



Karya seni

Keseimbangan unsur seni dan prinsip rekaan dalam hasil karya.



KBAT

Melalui pemerhatian, apakah jenis imbangan yang banyak di sekeliling anda? Senaraikan.




APLIKASI SENI

Wau Bulan

Menghasilkan Wau Bulan berimbangan simetri.

Alat dan Bahan

1. Kain perca
2. Masking tape
3. Gam
4. Gunting
5. Dawai bunga
6. Benang bulu
7. Barang hiasan
8. Bilah buluh



1. Bentukkan wau bulan dengan menggunakan bilah buluh dan dawai bunga.



2. Letakkan gam pada rangka wau.

SILA IMBAS QR CODE



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/rangka-wau-bulan/> untuk menonton video cara-cara membuat rangka wau. (Dicapai pada 29 Mei 2018)

NOTA GURU

2.5.3 Guru membimbing murid menghasilkan satu bentuk wau tradisional yang berimbangan simetri.



3 Tekapkan kain perca ke atas rangka wau dan kemaskan.



4 Hiaskan wau.



Hasil Wau Bulan



INGAT
Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

TIP KEUSAHAWANAN

Hasil wau boleh dijual untuk dijadikan cenderahati atau hiasan dinding.

LATIHAN 1

Lengkap dan warnakan gambar supaya nampak seimbang.



RUMUSAN

Imbangan terbahagi kepada dua iaitu imbangan simetri dan imbangan tidak simetri. Imbangan simetri ialah imbangan yang sepadan dan dapat memberi kesan yang stabil. Imbangan tidak simetri pula ialah imbangan yang tidak sama padan dan memberi variasi.

NOTA GURU

Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

2.6 KESATUAN

Kesatuan melibatkan prinsip dan unsur seni yang disatukan menjadi sebuah karya yang sempurna. Selain itu, kesatuan mempunyai tema dan idea yang sama.

Info

Tema boleh ditentukan mengikut kreativiti seperti tema alam, tema angkasa, tema flora, dan sebagainya.

Fungsi Kesatuan

Kesatuan berfungsi untuk menyempurnakan gubahan atau karya seni dan saling melengkapi.

Ciri-ciri Kesatuan

Alam semula jadi



Kesatuan akan mewujudkan rupa dan corak yang harmoni.

Buatan manusia



Kesatuan yang mempunyai tema yang sama akan mewujudkan rupa dan bentuk yang seimbang.

Karya seni



Unsur seni dan prinsip seni yang bersatu dalam karya akan menimbulkan nilai estetik.

NOTA GURU

- 2.6.1 Guru menerangkan fungsi kesatuan.
- 2.6.2 Guru menerangkan ciri-ciri kesatuan.




APLIKASI SENI

Cermin Berhias

Alat dan Bahan

1. Cermin muka
2. Ranting kayu
3. Hot Glue Gun
4. Daun
5. Tali
6. Batu
7. Barang hiasan



1 Tampil dan hiaskan cermin muka anda menggunakan batu dan ranting kayu.



2 Kemaskan.

NOTA GURU

- 2.6.3 Guru membimbing murid menghasilkan cermin berhias yang mengaplikasi ciri-ciri kesatuan.



3



4

Gunakan *hot glue gun* untuk menampal barang hiasan.



INGAT

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

KBAT






Nyatakan dua ciri kesatuan.

Hasil Cermin Hiasan



LATIHAN 1

Tandakan (✓) pada gambar yang mempunyai kesatuan yang betul.



RUMUSAN

Kesatuan ialah prinsip seni yang menggabungkan unsur seni yang berlainan untuk mewujudkan kesan tampak yang lebih sempurna. Kesatuan memberi kesan visual yang teratur, lengkap serta kemas dan menimbulkan suasana dan perasaan yang tenang.

NOTA GURU

- Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan mengikut tema-tema tertentu seperti tema alam, tema galaksi dan tema sukan.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

2.7 IRAMA DAN PERGERAKAN

Irama dan pergerakan menunjukkan sesuatu objek atau motif kelihatan bergerak, berayun, bergetar, bergegar dan bersinar. Pergerakan dalam sesebuah karya seni dapat diwujudkan dengan perulangan dalam sesebuah imej.

Fungsi Irama dan Pergerakan


Fungsi irama adalah untuk memberi kesan pergerakan yang lebih dramatik dan memberi kesan estetik pada karya seni.



Menggambarkan pergerakan air.



Menjadikan karya itu dinamik.



Memberikan kesan pergerakan atau pusingan.

Jenis-jenis Irama dan Pergerakan



Irama rawak

Susunan ruang yang tidak sama.



Irama berselang-seli

Kedudukan motif yang berselang-seli.




Irama Biasa

Bentuk dan ruang yang sama.



Irama Aliran

Kesan garisan yang berulang.



Irama Dinamik

Perubahan saiz atau warna berlaku kepada objek.

NOTA GURU

2.7.1 Guru menyatakan fungsi irama dan pergerakan.

Ciri-ciri Irama dan Pergerakan

Alam semula jadi

Kebiasaannya terdapat pada unsur alam seperti kilat yang memancar dan ombak yang bergulung.



Buatan manusia

Irama dan pergerakan boleh dilihat apabila kipas mainan berpusing.



Karya seni

Irama dan pergerakan boleh dilihat jelas seperti pada pergerakan air terjun.



Info

Irama dan pergerakan berfungsi untuk memberi kesan lebih hidup dan realistik dalam sesuatu karya.

NOTA GURU

2.7.2 Guru menerangkan ciri-ciri irama dan pergerakan.



APLIKASI SENI


Origami Burung Merpati

Alat dan Bahan

1. Kertas warna
2. Ranting kayu
3. Benang
4. Cat sembur
5. Sarung tangan
6. Gunting
7. Gam
8. Pen penanda




1 Warnakan ranting dengan cat sembur. (Pastikan anda memakai sarung tangan ketika proses menyembur).



2 Lipat kertas warna dan gunting menjadi segi empat sama.

NOTA GURU

2.7.3 Guru membimbing murid menghasilkan origami bergantung dengan susunan bentuk tertentu untuk menghasilkan pergerakan.



3 Lipat kertas warna mengikut langkah-langkah origami burung merpati.

4 Lukiskan titik hitam untuk mata burung merpati, kemudian gamkan benang pada burung merpati.

SILA IMBAS
QR CODE



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/pembuatan-origami-merpati/> untuk menonton video cara-cara membuat origami. (Dicapai pada 2 Ogos 2018)



Hasil Origami

KBAT

Terangkan ciri-ciri irama dan pergerakan yang dihasilkan dalam karya anda.

TIP KEUSAHAWANAN

Selain membuat origami burung dengan menggunakan kertas, anda juga boleh menghasilkan tanglung dalam bentuk tiga dimensi supaya dapat dijual.

INGAT

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

- Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk aktiviti di atas.

LATIHAN 1

Namakan irama dan pergerakan berdasarkan gambar yang diberi.

| | | | |
|-------------------|--------------|-------------|---------------|
| Irama selang-seli | Irama aliran | Irama biasa | Irama dinamik |
|-------------------|--------------|-------------|---------------|











RUMUSAN

Irama dan pergerakan ialah prinsip seni yang akan menimbulkan kesan yang lebih sempurna, menarik, tidak kaku, atau seolah-olah karya itu hidup. Malah, ia juga akan meningkatkan lagi nilai estetika sesuatu karya seni itu.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

UNIT

3

SENI HALUS (LUKISAN)

STANDARD PEMBELAJARAN

STANDARD KANDUNGAN

3.1 Lukisan

Murid boleh:

3.1

3.1.1

Menyatakan maksud lukisan.

3.1.2

Menyenaraikan alat dan bahan dalam aktiviti melukis.

3.1.3

Menghuraikan proses dan teknik dalam aktiviti melukis.

3.1.4

Melukis menggunakan:

(i) Media kering - arang, pensel, pen, kapur, pensel warna, *oil pastel*, atau *soft pastel*.

(ii) Teknik:

- (a) Silang
- (b) Gosokan

3.1.5


Mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan lukisan.

3.1.6

Mempamerkan hasil karya.

3.1 LUKISAN

Lukisan ialah proses dan teknik yang menggambarkan objek daripada garisan. Hasil karya seni yang dihasilkan berbentuk dua dimensi (2D) dengan menggunakan media kering seperti pensel, kapur, pen, krayon, pensel warna, arang dan sebagainya di atas sesuatu permukaan.




Peta i-Think:
Peta buih


Proses Melukis




1 Pilih objek yang sesuai untuk dilukis.




2 Tentukan sudut pandangan, perspektif, bentuk, ton, ruang, dan bayangan.



3 Bahagikan ruang seperti ruang belakang, ruang tengah, dan ruang hadapan objek yang hendak dilukis.



4 Lukis lakaran kasar pada garisan luar objek.



5 Guna teknik yang sesuai untuk menunjukkan kesan cahaya, bentuk, ruang dan bayangan objek.



6 Perincian garisan kepada bahagian yang hendak difokuskan supaya membentuk jalinan dan ton yang berkesan.

Info

Lukisan ialah proses awal untuk menyampaikan idea, atau emosi, dari segi visual.


NOTA GURU

- 3.1.1 Guru menyatakan maksud lukisan.
- 3.1.2 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti melukis.

NOTA GURU

- 3.1.3 Guru menghuraikan proses dan teknik dalam aktiviti melukis.

Teknik Melukis



SILA IMBAS

QR CODE



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/lakaran-guna-pensel/> untuk menonton teknik-teknik lukisan. (Dicapai pada 11 Mei 2018)

Peta i-Think:
Peta buih




APLIKASI SENI

Lukisan Bulu Pelepah

Alat dan Bahan

1. Contoh gambar
2. Kertas lukisan
3. Mounting board A3
4. Gam
5. Tuala kecil
6. Pensel 2B
7. Pensel arang
8. Pemadam



1 Gambar objek yang hendak dilukis.



2 Lukis lakaran kasar bulu pelepah pada garisan luar.



3 Guna teknik yang sesuai untuk menunjukkan kesan cahaya, bentuk, ruang dan bayangan bulu pelepah.

NOTA GURU

- 3.1.4 Guru membimbing murid melukis menggunakan media kering menggunakan teknik silang dan gosokan.
- 3.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan karya.



4 Perincian kepada bahagian yang hendak difokuskan supaya membentuk jalinan dan ton yang berkesan.



5 Lekatkan gam di atas *mounting board* dan pameran.



Hasil Lukisan

LATIHAN 1


- Senaraikan alat dan media yang digunakan untuk aktiviti melukis.
 - _____
 - _____
 - _____
- Senaraikan tiga teknik melukis.
 - _____
 - _____
 - _____

NOTA GURU

- 3.1.6 Guru mempamerkan hasil lukisan murid.
- Guru perlu membuat salinan Latihan 1 ini sebelum menjalankan aktiviti.

LATIHAN 2

Lengkapkan lukisan yang diberi dengan pelbagai teknik lukisan.




RUMUSAN

Lukisan ialah proses peringkat awal untuk menghasilkan sesebuah karya seperti catan, cetakan, arca, seni grafik, dan hasil kraf. Kemahiran melukis memerlukan latihan yang berulang-ulang agar dapat memahirkan anggota tangan untuk melukis. Kemahiran individu menggunakan pelbagai media membantu menghasilkan karya seni yang lebih berkualiti.

KBAT

Nyatakan teknik yang digunakan dalam lukisan dibawah.



NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

UNIT

4

SENI HALUS (CATAN)

STANDARD KANDUNGAN

4.1 Catan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

4.1

- 4.1.1** Menyatakan maksud catan.
- 4.1.2** Menyenaikan alat dan bahan dalam aktiviti catan.
- 4.1.3** Menghuraikan proses dan teknik dalam aktiviti catan.
- 4.1.4** Menghasilkan catan bertemakan objek benda dengan menekankan kesan jalinan, ton pencahayaan, dan nilai warna.
- 4.1.5** Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan catan.
- 4.1.6** Mempamerkan hasil karya.

4.1 CATAN

Catan ialah karya seni yang dihasilkan menggunakan media basah seperti cat air, cat akrilik, cat tempera dan cat minyak pada pelbagai permukaan.

Alatan dan Bahan Catan

Alatan



Kanvas



Berus pelbagai jenis



Palet



Bekas air



Tuala



Kertas lukisan

Bahan



Cat air



Cat minyak



Cat poster



Cat akrilik



Cat tempera

KBAT

Apakah perbezaan antara lukisan dan catan?


Proses Catan



1. Lukiskan lakaran menggunakan pensel.



2. Warnakan lakaran dengan sapuan *first layer* (lapisan pertama)



3. Menyempurnakan karya dengan lapisan warna dan ton warna.

NOTA GURU

- 4.1.1 Guru menyatakan maksud catan.
- 4.1.2 Guru menyenaraikan alat dan bahan dalam aktiviti mencatan.

NOTA GURU

- 4.1.3 Guru menghuraikan proses dan teknik dalam aktiviti catan.

Teknik Catan

I. Teknik cat air

(a) Basah atas basah

Sapuan warna cair di atas permukaan kertas yang basah.



(b) Basah atas kering

Sapuan warna basah di atas permukaan kertas kering untuk menghasilkan kesan separa legap.



Info

Kelebihan teknik cat air lebih menjimatkan penggunaan warna.


(c) Kering atas basah

Sapuan warna terus daripada tiub ke atas permukaan kertas yang dibasahkan.



(d) Kering atas kering

Sapuan warna yang pekat ke atas lapisan permukaan yang kering untuk menimbulkan kesan jalinan.



2. Teknik cat minyak


(a) Teknik titik

Menggunakan berus untuk membentuk tindihan titik-titik warna.



(b) Teknik *glazing*

Sapuan warna lapisan demi lapisan untuk menimbulkan kesan lembut, licin, lutsinar, dan berkilau.



(c) Teknik *impasto*

Teknik palitan warna tiub yang banyak menggunakan pisau palit untuk membentuk imej.



(d) Teknik *hard edge*

Teknik ini seolah-olah seperti catan yang dipotong-potong. *Masking tape* digunakan untuk memisahkan warna.



(e) Teknik lembut (scumbling)

Teknik sapuan nipis secara terkawal dan bertindih-tindih ke atas catan untuk mendapatkan kesan kusam atau lutsinar.



(f) Teknik alla prima

Teknik sapuan warna terus dari tiub ke atas permukaan kanvas.



APLIKASI SENI

Catan Koleh

Alat dan Bahan

1. Kanvas
2. Cat akrilik
3. Berus
4. Palet
5. Koleh
6. Pensel
7. Pemadam
8. Tuala



1 Lakar secara kasar koleh di atas kanvas.



2 Warnakan latar dan objek dengan sapuan *first layer* (lapisan pertama).



3 Kemaskan dengan memasukkan pencahayaan.



Hasil Catan

NOTA GURU

4.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan catan bertemakan objek benda dengan menekankan kesan jalinan dan ton pencahayaan, dan nilai warna.

LATIHAN 1

Padankan.

Basah atas basah

Sapuan warna basah di atas permukaan kertas kering untuk menghasilkan kesan separa legap.

Teknik *alla prima*

Sapuan warna lapisan demi lapisan untuk menimbulkan kesan lembut, licin, lutsinar, dan berkilau.

Teknik impasto

Teknik sapuan warna terus daripada tiub ke atas permukaan kanvas.

Basah atas kering

Sapuan warna cair di atas permukaan kertas yang basah.

Teknik *glazing*

Teknik palitan warna tiub yang banyak menggunakan pisau palit untuk membentuk imej.

LATIHAN 2

Susun proses mencatat mengikut aturan.

Warnakan objek dengan sapuan *first layer* (lapisan pertama).

Proses Catan

Menyempurnakan karya dengan lapisan warna dan ton warna.

Lukiskan lakaran objek menggunakan pensel.

RUMUSAN

Catan ialah campuran media basah pada satu permukaan yang berbentuk dua dimensi (2D). Penggunaan bahan dan alatan catan juga penting untuk menentukan jenis catan yang akan dihasilkan. Aktiviti catan yang dihasilkan dapat merakamkan kesan cahaya pada rupa, bentuk, dan susunan pada alam sekeliling.

KBAT

Nyatakan unsur seni dan prinsip rekaan yang ditonjolkan di dalam karya catan di bawah.



NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

UNIT

5

SENI HALUS (ARCA)

STANDARD KANDUNGAN

5.1 Arca

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

5.1

- 5.1.1 Menyatakan maksud arca.
- 5.1.2 Menyenaikan alat, bahan, proses, dan teknik dalam aktiviti arca.
- 5.1.3 Menghasilkan arca acuan menggunakan *plaster of paris*.
- 5.1.4 Mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan arca.
- 5.1.5 Mempamerkan hasil karya.




5.1 ARCA

Arca merupakan karya seni visual yang berbentuk tiga dimensi (3D). Arca menggabungkan unsur seni dan prinsip rekaan. Arca bersifat nyata. Permukaan arca boleh disentuh dilihat dipandang dari pelbagai sudut. Arca terbahagi kepada dua, iaitu arca estetik dan arca berfungsi.

Jenis-jenis Arca

(a) Arca Dinding


Arca jenis ini biasanya dipamer dengan cara dilekat, ditampal, dipaku, dipasang atau digantung pada dinding.



Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

(b) Arca Mobail (Bergerak)

Dihasilkan melalui cantuman bahan-bahan supaya boleh bergerak dan mudah untuk dibawa ke mana-mana. Arca mobail juga dikenali sebagai seni kinetik.



Mohd Ali Azraie Bin Bebit, *Mr. Chuckler*, 2016



(c) Arca Acuan

Bahan cair dituangkan ke dalam acuan untuk menghasilkan bentuk.

Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka



(d) Arca Assemblaj

Bahan-bahan dicantum menjadi bentuk yang menarik.



(e) Arca Luakan

Bahan diukir atau dibuang sebahagian strukturnya untuk menimbulkan bentuk.

Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

NOTA GURU

- 5.1.1 Guru menyatakan maksud arca.
- 5.1.2 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses dan teknik dalam aktiviti arca.

(f) Arca Timbulan (relief)

Bentuk tiga dimensi yang dihasilkan melalui terapan dari dinding yang asalnya bersifat dua dimensi. Terhasil daripada proses mengukir, menampal atau menggantung.



Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

(g) Arca Tambahan

Dibina melalui penambahan bahan pada struktur utama.



Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

Alatan dan Bahan Arca

| Jenis Arca | Alat | Bahan | Teknik Penghasilan |
|-------------------------------|--|--|---|
| Arca Dinding | Gergaji, penukul, pemutar skru, berus cat, kertas pasir. | Papan, kepingan kayu, paku, skru, gam, cat. | Gergaji, paku, lekat, tampal, cat. |
| Arca Bergerak (Mobail) | Gunting besi, alat pateri, sepana, gerudi, pemutar skru. | Besi, dawai, kertas, tali, plastik, kepingan logam, zink, kadbod. | Kimpalan, gam, skru, ikatan, jahitan, tanggam. |
| Arca Acuan | Acuan membuat arca. | Plastik, logam, simen, tanah liat, plaster paris. | Acuan. |
| Arca Asemblaj | Alat pateri, skru, paku, gergaji, ragum, gerudi, sepana hidup, pemutar skru. | Kayu, logam, batu, simen, bongkah-bongkah keluli, alat ganti kenderaan, bahan buangan, besi, roda. | Kimpalan, binaan, cantuman skru/ paku, gam. |
| Arca Luakan | Pahat, penukul, kapak, gergaji, alat pengukir, kertas pasir, gogal. | Bongkah kayu, plaster paris, batu marmar, batu granit, batu kapur, tanah liat. | Ukiran. |
| Arca Timbulan (Relief) | Pahat, penukul, alat pengukir, pengikis, kikir pari, kertas pasir. | Kepingan kayu, plaster paris, batu, kayu, plastik, kertas lumat, <i>papier mache</i> , tanah liat. | Acuan, tampalan, <i>assemblaj</i> , binaan. |
| Arca Tambahan | Alat pengukir, pengikis, kikir pari, kertas pasir. | Bongkah kayu, tuangan perak/ gangsa atau simen. | Kimpalan, binaan, cantuman skru, <i>assemblaj</i> , binaan. |



APLIKASI SENI

Arca Mobail

Alat dan Bahan

1. Air
2. Masking tape
3. Gunting
4. Pemutar skru
5. Dawai
6. Bekas telur
7. Plaster of Paris
8. Bekas
9. Hot Glue Gun
10. Sudu plastik
11. Tali



1 Bancuh *plaster of paris* dengan air.



2 Tuangkan bancuhan di dalam bekas telur dan biarkan kering.

NOTA GURU


- 5.1.3 Guru membimbing murid menghasilkan arca mobail menggunakan *plaster of paris*.
- 5.1.4 Guru mengaplikasikan unsur seni dan prinsip rekaan dalam penghasilan arca.



3 Tanggalkan hasil acuan daripada bekas telur.



4 Lilitkan *masking tape* pada dawai.



5 Bentukkan dawai menjadi bulatan.



6



7 Tebuk arca yang telah terhasil dengan menggunakan pemutar skru.



8 Masukkan tali ke dalam lubang yang telah ditebuk dan gamkan.



9 Kemaskan kesemua hasil acuan.



10 Ikat kesemua hasil nombor 9 pada bulatan dawai.




11 Kemaskan hasil karya.



Hasil Arca Mobail

LATIHAN 1

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

| | | |
|---|---|---|
| Arca dinding | Arca acuan | Arca luakan |
| Arca mobail (bergerak) | Arca <i>assemblaj</i> | Arca timbunan (relief) |
|  |  |  |
| Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka | Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka | Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka |

| | | |
|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
|----------------------|----------------------|----------------------|

| | | |
|--|--|--|
|  |  |  |
| Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka | Mohd Ali Azraie Bin Bebit, <i>Cakap Kosong</i> , 2013 | Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka |

| | | |
|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
|----------------------|----------------------|----------------------|

RUMUSAN
 Arca ialah gabungan semua unsur seni seperti garisan, jalinan, rupa, dan bentuk yang berbentuk tiga dimensi (3D). Murid bebas berkarya menggunakan bahan yang sesuai dalam seni arca. Karya seni halus ini dapat membezakannya dengan karya yang lain kerana karya yang dihasilkan dapat dilihat daripada pelbagai sudut.

- NOTA GURU**
- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.
 - Guru dicadangkan membawa murid melawat Balai Seni Negara.

UNIT

6

SENI HALUS (CETAKAN)

STANDARD KANDUNGAN

6.1 Cetakan



Sharifah Fatimah Syed Zubir,
Malam, 1974, Gurisan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

6.1

- 6.1.1** Mendefinisikan cetakan.
- 6.1.2** Menyatakan jenis cetakan.
- 6.1.3** Menyenaikan alatan, bahan proses, dan teknik dalam aktiviti membuat cetakan.
- 6.1.4** Membuat cetakan timbulan menggunakan kaedah cetakan lino.
- 6.1.5** Mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan cetakan timbulan.
- 6.1.6** Mempamerkan hasil karya.



Jassie Sam,
Siri Pertumbuhan 2, 1992, Stensil

6.1 CETAKAN

Cetakan pada awalnya digunakan secara meluas dalam pendidikan, propaganda dan keagamaan. Cetakannya ialah proses yang memerlukan bahantara untuk memindahkan imej asal kepada satu permukaan yang lain. Proses ini juga dikenali sebagai proses terapan blok ke atas sesuatu permukaan.


Jenis-jenis Cetakan

Cetakan Timbulan (*Relief*)

- (a) Imej terhasil daripada kesan garisan yang diukir di atas permukaan blok atau plat yang disapu dengan dakwat atau pewarna.
- (b) Kaedah cetakan timbulan menggunakan blok kayu, lino, kolaj dan sayur-sayuran (Ubi kentang, pelepah pisang, dan bendi).



Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka




Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

Cetakan Benaman (*Intaglio*)

- (a) Imej terhasil daripada dakwat atau warna yang terbenam daripada gurihan garisan. Ia berlawanan dengan cetakan timbulan.
- (b) Teknik cetakan benam ialah turisan, garisan asid, akuatin dan meztin.

Cetakan Planograf

- (a) Dihasilkan melalui cetakan permukaan blok yang mendatar. Planograf juga dikenali sebagai litografi.
- (b) Bersifat penolakan minyak dan air.



William K. K. Lau, *Tempat Untuk Semua*, 1970, Litografi

Cetakan Sarigraf (Stensil/Foto Emulsi/Kertas Pendua)

- (a) Dihasilkan dengan menggunakan teknik cetakan skrin, iaitu kain sutera diregangkan pada kayu pemedang.
- (b) Imej terhasil melalui tiga kaedah, iaitu potongan kertas pendua, filem laker (profilem), dan skrin foto emulsi.
- (c) Sekuji digunakan untuk meratakan dakwat pada permukaan skrin pemedang.



Ihsan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM Melaka

SILA IMBAS

QR CODE



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/jenis-cetakan-timbulan/> untuk menonton contoh video Cetakan Timbulan yang dihasilkan. (Dicapai pada 7 Mei 2018)

NOTA GURU

- 6.1.1 Guru menyatakan definisi cetakan.
- 6.1.2 Guru menyatakan jenis cetakan.

APLIKASI SENI

Kad Ucapan (Cetakan Lino)

Alat dan Bahan

1. Kertas warna
2. Cermin
3. Lino
4. Cat lino
5. Pensel
6. Pisau ukir
7. Penggelek
8. Sarung tangan
9. Apron
10. Sudu



1 Tekapkan corak pada kepingan lino.



2 Ukir kepingan lino menggunakan pisau ukir.

INGAT
Murid dibimbing apabila menggunakan alatan tajam.

NOTA GURU

- 6.1.4 Guru membimbing murid membuat cetakan timbulan menggunakan kaedah cetakan lino.
- 6.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan unsur seni visual dengan penghasilan cetakan timbulan.



3 Letakkan cat lino pada kepingan cermin dan ratakan dengan penggelek.



4 Gelekan cat lino pada kepingan lino yang telah diukir.



5 Letak kertas di atas kepingan lino dan tekan menggunakan sudu besi.



6 Hias mengikut kreativiti.



Hasil Cetakan

NOTA GURU

- 6.1.3 Guru menyenaraikan alat dan bahan proses dan teknik dalam aktiviti membuat cetakan.
- 6.1.6 Guru meminta murid mempamerkan hasil karya.



LATIHAN 1

Warnakan perkataan tersembunyi berdasarkan soalan di bawah.

- (a) Dikenali sebagai cetakan benam. (INTAGLIO)
- (b) Menggunakan blok atau bongkah yang mendatar. (PLANOGRAF)
- (c) Pemandang dan kain sutera digunakan untuk mencetak. (STENSIL)
- (d) Kesan gurisan atau garisan yang diukir akan menjadi imej. (TIMBULAN)
- (e) Imej terhasil daripada kesan garisan di atas permukaan yang disapu. (DAKWAT)
- (f) Antara kaedah cetakan selain daripada cetakan kayu, sayur-sayuran. (LINO)
- (g) Digunakan untuk meratakan dakwat. (PENGGELEK)
- (h) Foto emulsi digunakan untuk teknik cetakan. (SKRIN)

**RUMUSAN**

Cetakan ialah proses terapan blok ke atas sesuatu permukaan. Pelbagai blok boleh digunakan untuk menghasilkan cetakan. Keistimewaan cetakan ialah dapat menghasilkan banyak kepingan karya yang serupa dan asli. Murid berpotensi dapat mengembangkan bakat seni visual serta berpeluang menceburi bidang keusahawanan dengan pulangan yang lumayan.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti di atas.

UNIT

7

KOMUNIKASI VISUAL

STANDARD PEMBELAJARAN

STANDARD KANDUNGAN

7.1 Komunikasi visual melalui kulit buku.

Murid boleh:

7.1

- 7.1.1 Mendefinisikan kulit buku.
- 7.1.2 Menyatakan jenis kulit buku.
- 7.1.3 Menyenaikan alat, bahan, proses dan teknik dalam aktiviti membuat kulit buku.
- 7.1.4 Menghasilkan ilustrasi kulit buku dengan reka letak tipografi, imej dan warna yang sesuai.
- 7.1.5 Mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan kulit buku.
- 7.1.6 Mempamerkan hasil karya.




7.1 KOMUNIKASI VISUAL (KULIT BUKU)

Kulit buku memainkan peranan dalam menarik perhatian untuk memberi gambaran atau rangsangan sesebuah buku tersebut. Reka bentuk kulit buku yang menarik akan menjadi pilihan pembaca. Reka bentuk kulit buku dipersembahkan dalam dua jenis iaitu ilustrasi dan gambar foto.

Jenis-jenis Kulit Buku

Ilustrasi

Dihasilkan daripada teknik lukisan, catan, kolaj atau teknik seni rupa lain.



Denggi,
Fauziah Baharuddin, 2018,
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.




*Modul Inspitari Siri I:
Pilihan Tarian-tarian 2013,*
Zuriah Mohamad, 2015, JKKN.




Geng Basikal,
Fauziah Baharuddin, 2016,
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Gambar Foto

Dihasilkan daripada teknik fotografi.



Akademi Ramadhan,
Dato' Hj. Muhammad Shukri
bin Muhammad, 2016,
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.



*Undang-undang Muamalat
dan Aplikasinya,*
Abdul Halim el-Muhammady, 2017,
Aras Mega (M) Sdn. Bhd.



*Modul Pengajaran &
Pembelajaran Mak Yung,*
Mardiana Ismail, 2015, JKKN.



APLIKASI SENI

Kulit Buku Buah-buahan Tempatan

Alat dan Bahan

1. Kertas A4
2. Cat air
3. Gam
4. Palet
5. Pen penanda
6. Pensel
7. Berus pewarna
8. Gunting



1 Lakarkan imej buah-buahan tempatan.



2 Gunakan pen penanda untuk kemaskan lukisan.



3 Dengan menggunakan cat air warnakan latar belakang kulit buku.



4 Gunting tajuk buku.

NOTA GURU


- 7.1.3 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses dan teknik dalam aktiviti membuat kulit buku.
- 7.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan ilustrasi kulit buku dengan reka letak tipografi, imej dan warna yang sesuai.
- 7.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan bahasa seni visual dalam menghasilkan rekaan kulit buku.

NOTA GURU

- 7.1.1 Guru menyatakan definisi kulit buku.
- 7.1.2 Guru menerangkan jenis kulit buku.



Gamkan tajuk buku pada kertas lukisan.



Hasil Kulit Buku

INGAT
Murid dibimbing apabila menggunakan alatan tajam.

LATIHAN 1

Lengkapkan kulit buku di bawah dengan tajuk, nama penulis, dan logo sekolah, kemudian warnakan.



RUMUSAN

Kulit buku ialah seni reka yang berperanan penting untuk mempromosi dan memberi stimulasi atau gambaran awal pada kandungan sesebuah buku tersebut. Kulit buku yang menarik akan menjadi pilihan pembaca untuk diambil dari rak dan dilihat dengan lebih dekat.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

NOTA GURU

- 7.1.6 Guru meminta murid mempamerkan hasil karya.

UNIT

8

KRAF TRADISIONAL

STANDARD KANDUNGAN

8.1 Projek kraf ukiran kayu

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

8.1

- 8.1.1** Mendefinisikan ukiran.
- 8.1.2** Menyatakan jenis ukiran kayu.
- 8.1.3** Menyenaikan alat, bahan, proses dan teknik dalam aktiviti membuat ukiran kayu.
- 8.1.4** Menghasilkan ukiran kayu kulit dengan reka letak imej yang sesuai.
- 8.1.5** Mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan ukiran kayu.
- 8.1.6** Mempamerkan hasil karya.



8.1 PROJEK KRAF (UKIRAN KAYU)

Ukiran kayu ialah hasil ukiran permukaan kepingan kayu untuk menghasilkan corak atau motif yang menarik.

Jenis-jenis Ukiran Kayu

1 Layang

Bahagian latar tidak ditebuk. Silat dibuat hanya pada corak.



2 Bunga timbul

Kayu tidak ditebuk dan hanya diukir di bahagian latar untuk menimbulkan motif.



3 Tebuk tembus

Kayu ditebuk bahagian latar menggunakan pahat atau gergaji.



4 Larik

Batang kayu diukir bulat atau bersegi mengikut susunan gelang seperti perabot, tongkat, gasing dan kisi-kisi tingkap atau tangga.



APLIKASI SENI

Ukiran Kayu Bunga Timbul

Alat dan Bahan

1. Blok kayu
2. Kertas A4
3. Kertas pasir
4. Syelek
5. Pemadam
6. Penyangkut
7. Apit G
8. Pisau pengukir kayu
9. Pensel
10. Berus
11. Skru mata cangkuk
12. Pahat tepi serong
13. Gandin kayu



1

Lakarkan motif ukiran.

NOTA GURU

- 8.1.3 Guru menyenaraikan alat, bahan, proses dan teknik dalam aktiviti membuat ukiran kayu.
- 8.1.4 Guru membimbing murid menghasilkan ukiran kayu dengan reka letak imej yang sesuai.
- 8.1.5 Guru membimbing murid mengaplikasikan bahasa seni visual dalam penghasilan ukiran kayu.



3 Lorekkan motif ukiran menggunakan pensel.



4 Tekap hasil lakaran di atas blok kayu.



5 Kemaskan hasil lukisan mengikut kreativiti.

INGAT
Murid dibimbing apabila menggunakan alatan tajam.



6 Ukir mengikut motif yang telah dilakar menggunakan ganding kayu dan pisau pengukir.



7



8 Gunakan kertas pasir untuk kemas.




9 Sapukan syelek pada blok ukiran. Kemudian jemur sehingga kering.

INGAT
Pastikan anda memakai sarung tangan ketika proses menyelek.



10 Kemaskan blok ukiran menggunakan kertas pasir.



11 Syelek sekali lagi.



12



13

Kemaskan karya.



Hasil Ukiran Kayu

TIP KEUSAHAWANAN

Murid boleh mencari idea untuk menghasilkan corak atau motif ukiran yang lebih menarik untuk tujuan komersial.

Info

Noorhaiza Noordin telah dilantik sebagai Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada tahun 2013 kerana usaha beliau memartabatkan seni ukiran kayu tradisional di Malaysia.



LATIHAN 1


Isikan tempat kosong di bawah dengan jenis-jenis ukiran yang betul.

Larik

Tebuk tembus

Layang

Bunga timbul



RUMUSAN

Ukiran memerlukan penghayatan serta kemahiran seseorang pengukir dalam memilih jenis kayu dan motif ukiran. Murid perlu menguasai kemahiran, teknik ukiran, dan perlu menggunakan alatan yang betul serta mengutamakan keselamatan sebelum dan semasa membuat ukiran.

NOTA GURU

- Guru perlu membuat salinan halaman ini sebelum menjalankan aktiviti.

UNIT

9

Folio Seni Halus

STANDARD PEMBELAJARAN

STANDARD KANDUNGAN

9.1 Folio seni halus

Murid boleh:

9.1

- 9.1.1 Mendokumentasikan hasil karya.
- 9.1.2 Membuat urutan penghasilan karya dalam folio seni halus.
- 9.1.3 Menyusun dan mendokumentasikan hasil karya dalam folio seni.
- 9.1.4 Mempersembahkan karya dengan bahasa seni visual.



9.1 SENI HALUS

Semua karya seni halus yang telah dihasilkan oleh murid perlulah didokumentasikan. Dokumentasi ini dibuat dalam bentuk folio yang disusun mengikut format di bawah.

Format Folio Seni Halus

Folio Seni Halus perlulah ada:

1. Muka depan folio Seni Halus

- a Judul Folio
- b Nama Murid
- c Kelas
- d Nama sekolah
- e Nama guru

2. Kandungan

- a Lukisan
- b Catan
- c Arca
- d Cetakan

3. Langkah-langkah menghasilkan Folio Seni Halus

- a Memilih alat dan bahan yang sesuai
- b Menghasilkan folio seni halus
- c Menyusun karya mengikut bidang seni halus




APLIKASI SENI

Folio Seni Halus

Alat dan Bahan

1. Kertas pembalut hadiah
2. *Mounting board* - 3 keping saiz A3
3. Sampul surat - 4 keping saiz A3
4. Reben
5. Barang hiasan
6. *Binding tape*
7. Gam
8. Gunting
9. Pembaris
10. Pen
11. Gam serba guna
12. Pensel



1



2


Balut ketiga-tiga *mounting board* dengan kertas pembalut hadiah.

NOTA GURU

- 9.1.1 Mendokumentasikan hasil karya.
- 9.1.2 Membuat urutan penghasilan karya dalam folio seni halus.



3 Sambungkan ketiga-tiga *mounting board* menggunakan *binding tape*.



4 Letakkan *binding tape* di bahagian hadapan dan belakang.



5 Buat ukuran poket pada sampul surat.



6 Guntingkan ukuran yang telah ditanda no.5.



7 Gamkan sampul surat (lihat panduan untuk mendapatkan kedudukan halaman hadapan dan belakang yang tepat).



8 Lekatkan reben pada bahagian belakang kepingan *mounting board* yang ketiga.



9 Hiaskan folio.



10 Masukkan semua karya seni halus ke dalam sampul yang sudah dilabel.

11 Ikat reben dengan kemas.



Hasil Folio Seni Halus

NOTA GURU

- 9.1.3 Guru menjelaskan karya melalui penyusunan hasil mengikut kandungan tugas.
- 9.1.4 Guru mempersembahkan karya dengan bahasa seni visual.

GLOSARI

Akuatin teknik cetak khusus untuk mendapatkan ton dalam cetak guris.

Alla prima kaedah menghasilkan lukisan cat dengan menyapu warna hanya sekali.

Arca citra tiga dimensi atau bentuk ukiran timbul.

Asemblaj teknik menggabung bahan kutipan untuk menghasilkan karya tiga dimensi.

Blok bongkah kayu yang telah diguris untuk tujuan mencetak.

Blok linoleum blok kayu cetak timbul yang mempunyai linoleum di permukaannya untuk cetak toreh lino.

Cat akrilik cat sintetik yang berasaskan air.

Cat emulsi cat yang menggunakan air sebagai bahan asas.

Cat minyak cat yang dicampur dengan minyak dan pewarna yang dijadikan sebagai bahan pemekat atau pengering.

Cat poster cat lepa yang disediakan di dalam tiub botol atau tin, yang dibuat dengan bahan pengikat larut air yang digunakan untuk melukis gambar.

Cat tempera cat daripada serbuk pewarna yang diadun dengan bahan pengikat, seperti kuning telur atau gam cecair, untuk menjadi emulsi campuran air.

Cetakan 1. Hasil cetak timbul, intaglio dan planografi. 2. Gambar foto.

Dinamik bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

Estetik berkenaan keindahan atau penghargaan terhadap keindahan (terutamanya dalam bidang seni).

Gandin kayu tukul yang dibuat daripada kayu untuk kegunaan kerja kulit dan ukiran kayu.

Gurisan hasil cetak yang melalui proses intaglio.

Gurisan asid hasil cetakan yang telah melalui proses intaglio dengan menggunakan asid.

Hard edge lukisan cat abstrak yang mempunyai rupa-rupa bentuk yang jelas dan berbatasan tepat serta gubahan yang ringkas.

Ilustrasi gambar (lukisan atau foto) pada sesebuah teks yang memberi gambaran tentang kandungan teks tersebut.

Impasto penggunaan cat yang tebal pada lukisan.

Intaglio pengkayaan seni dua dimensi yang melalui proses melukis dengan cara mengukir pada plat logam atau kayu dan kemudiannya dicetak.

Kanvas bahan fabrik yang dijadikan sebagai permukaan lukisan cat.

Kemasan akhir penyempurnaan kerja seni sebelum dipamer atau dijual.

Kisi-kisi berbentuk bulat, cembung dan pendek yang berfungsi sebagai tiang atau penyangga.

Kolaj bahan kutipan yang ditampal ke permukaan lukisan untuk menghasilkan reka bentuk tertentu.

Krayon media lukis daripada lilin berwarna.

Litografi proses mencetak dengan tapak satah daripada batu, logam atau plastik.

Luakan kaedah membuat arca dengan mengurangkan jisim bahan.

Lukisan seni yang menggambarkan objek atau pelan dengan garisan.

Lukisan arang lukisan yang dihasilkan dengan bahan arang.

Lukisan cat air lukisan yang menggunakan cat air sebagai bahan taranya.

Mesotin proses cetak guris menggunakan plat yang permukaannya telah dikasarkan dengan roker.

Mobile arca yang mengandungi bentuk yang pelbagai, yang digantung dan akan bergoyang atau bergerak apabila disentuh atau ditiup angin.

Palet 1. alat daripada kepingan papan, kaca atau plastik yang digunakan oleh pelukis cat untuk menyediakan cat sebelum disapu pada lukisan. 2. Warna-warna yang digunakan oleh pelukis dalam lukisannya.

Pastel 1. pigmen berbentuk batang seperti kapur, dibuat daripada pewarna serbuk dan gam pengikat. 2. Teknik melukis menggunakan pastel.

Pemati bahan pelindung kalis air yang digunakan untuk melindungi hasil seni daripada kekotoran.

Planografi proses mencetak dengan permukaan datar litografi.

Propaganda cara atau tindakan untuk menghebahkan penerangan, ajaran, fahaman, dan lain-lain kepada orang ramai.

Pualaman satu penghasilan corak tidak terancang yang terhasil daripada kesan pengasingan air dengan cat minyak.

Roker alat untuk mengasarkan permukaan plat cetak guris mesotin.

Scumbling membubuh lapisan nipis warna legap atau separuh legap pada permukaan lukisan cat minyak untuk mendapatkan kesan kusam dan bertekstur.

Seni halus cabang dan karya seni yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan kepuasan cita rasa kepada peminatnya.

Sekuji sejenis alat yang digunakan untuk meratakan warna pada permukaan pemedang bagi proses mencetak.

Silat reka bentuk ukiran timbul yang menonjolkan motif bunga ukiran pada ukiran kayu.

Stimulasi rangsangan atau dorongan itu untuk berkarya.

Sutera saring proses mencetak yang melibatkan cat atau dakwat disaring ke atas kertas atau tekstil melalui saring yang dibuat daripada sutera.

Tipografi 1. Kerja atau proses menyusun dan menyediakan bahan bertulis untuk pencetakan; 2. Gaya, bentuk, susunan dan rupa sesuatu bahan bercetak

Turisan hasil daripada proses mengukir, mengguris, atau menirus pada permukaan yang keras seperti kayu dan logam.

Turpentin minyak pelarut yang tidak berwarna yang digunakan sebagai pencair cat minyak.


Urat kayu 1. bahagian dalam tubuh yang menyerupai benang atau tali.
2. Jalur atau garis yang tampak pada permukaan (kayu, daun dan sebagainya).

RUJUKAN

- Alida Anderson, (2014). *Art Integration and Special Education: An Inclusive Theory of Action for Students Engagement*. UK. Routledge.
- Hassan Mohd Ghazali, (2012). *Seni Visual*. Tanjung Malim. Citra Grafik.
- Helen Goren Shafon, (2012). *Making Art Special: A Curriculum for Special Education Art Second Edition*. North Charleston. Createspace Independent Publishing Platform.
- Janet Whittle, (2015). *Melukis Bunga dengan Cara Mudah*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Katherine Goddard, (2014). *Paper Crafts: A Hand Step by Step Guide*. London. Dorling Kindersley Limited.
- Michael G. Lafosse, (2015). *Origami: Seni dan Kraf Kreatif Asia*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Michael Wright, (2014). *An Introduction to Pastels*. London. Dorling Kindersley Limited.
- Mohd Johari Ab. Hamid, (2006). *Asas Seni Visual*. Tanjung Malim. Penerbit UPSI.
- Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton. (1998). *Art Fundamentals Theories and Practice (Eighth Edition)*. United States. Mcgraw-Hill College.
- Rozaini Omar, (2009). *Lukisan Cat Air: Langkah demi Langkah*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Richard Box, Carole Massey, Ronald Swanwickca, Denis John-Naylor, (2012). *Lukisan: Langkah demi Langkah*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Ray Smith, (2014). *An Introduction to Oil Painting*. London. Dorling Kindersley Limited.
- Zahir Yusof, (2009). *Dekorasi Seni Lukis & Decoupage untuk Hiasan Dapur*. Shah Alam. Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

| Skim Pinjaman Buku Teks | | | |
|------------------------------------|-----------|--------------------------|---------------|
| Sekolah _____ | | | |
| Tahun | Tingkatan | Nama Murid yang Menerima | Tarikh Terima |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| Nombor Perolehan: _____ | | | |
| Tarikh Penerimaan: _____ | | | |
| BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL | | | |



RM30.00

ISBN 978-967-2212-07-2



9 789672 212072

FTK183001